



BAB EMPAT
ANALISIS PEMBIAYAAN HUTANG ISLAM DI BANK MUAMALAT
MALAYSIA BERHAD (BMMB)

4.0 PENDAHULUAN

Dalam bab yang terakhir ini penulis ingin mengajak pembaca melihat secara praktikal tentang konsep pembiayaan hutang Islam yang diamalkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) melalui produk-produk pembiayaan hutang yang diperkenalkan atau ditawarkan oleh BMMB. Dalam bab ini penulis akan cuba menfokuskan kepada analisis data-data yang berbentuk kuantitatif yang diambil serta dilihat daripada beberapa sudut yang berbeza bagi memperlihatkan kepada para pembaca tentang kemajuan serta kemerosotan yang berlaku di dalam sesuatu produk pembiayaan hutang atau kepada pembiayaan hutang itu sendiri secara keseluruhannya. Penulis hanya akan menganalisis data dalam tiga tempoh atau jangka masa yang berbeza iaitu tempoh pertama bermula dari bulan Oktober 1999 sehingga Mac 2000 iaitu dalam tempoh enam bulan pertama operasi, tempoh kedua adalah antara bulan April 2000 sehinggalah Disember 2000 iaitu dalam tempoh sembilan bulan kedua operasi BMMB dan yang terakhirnya ialah bermula dari



bulan Januari 2001 sehinggalah Disember 2001 iaitu dalam tempoh tahun kedua operasi BMMB.

4.1 IMBASAN KEMAJUAN PRESTASI PERBANKAN ISLAM

Industri perbankan Islam dan takaful telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan semenjak penubuhan bank Islam yang pertama pada tahun 1983 dan syarikat insurans Islam (takaful) yang pertama pada tahun 1984. Pada akhir tahun 2000, sektor kewangan Islam merangkumi dua bank Islam, 47 institusi perbankan konvensional (17 bank perdagangan domestik, empat bank asing, 14 syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun) yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI), pasaran wang secara Islam, dua syarikat takaful dan pelbagai produk kewangan. Berikutan proses penggabungan institusi-institusi perbankan domestik, bilangan institusi perbankan konvensional yang menyertai SPI akan menurun kepada 33 buah, terdiri daripada sembilan bank perdagangan domestik, empat bank asing, lapan syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun.¹

Kepentingan perbankan Islam telah meningkat secara progresif dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 49% dari segi

¹ Bank Negara Malaysia (2002), "*Perbankan Islam dan Takaful*", *Pelan Induk Sektor Kewangan*, Bab 5, hal 78.



aset daripada tahun 1995 hingga 1999. Pada tahun 2000, sektor perbankan Islam terus mencatatkan pertumbuhan aset yang kukuh sebanyak 30% kepada RM47.1 bilion, manakala deposit dan pembiayaan masing-masing meningkat kepada RM35.9 bilion dan RM20.9 bilion. Dari segi prestasi secara relatif berbanding dengan sistem perbankan, pada akhir tahun 2000, peratusan aset perbankan Islam telah meningkat kepada 6.9%, manakala deposit dan pembiayaan masing-masing meningkat kepada 7.4% dan 5.3%. Rangkaian perkhidmatan juga telah berkembang dengan pesat yang mana terdapat lebih daripada 2,200 cawangan bank-bank Islam dan bank-bank SPI yang menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam. Perbankan Islam juga telah memberi kesan limpahan kepada pengantara kewangan bukan bank yang lain seperti institusi kewangan pembangunan, institusi simpanan dan institusi kredit perumahan yang turut memperkenalkan skim dan instrumen kewangan Islam bagi memenuhi permintaan pelanggan. Di samping itu, pertumbuhan pesat pasaran sekuriti hutang dan ekuiti secara Islam turut merancakkan aktiviti pasaran modal. Bagi melengkapi usaha-usaha ini, Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan juga telah memulakan usaha yang serius untuk menubuhkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa bagi merangsang penggembleran mudah tunai dan instrumen kewangan di samping meningkatkan peluang pelaburan supaya dana-dana Islam digerakkan dengan lebih berkesan.²

² *Ibid.*



Bagi aktiviti takaful, aset dana takaful bagi takaful am dan keluarga telah mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 68% daripada tahun 1986 hingga 2000. Dalam tempoh yang sama, jumlah sumbangan takaful mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 47%. Bagi perniagaan takaful keluarga, jumlah penyertaan berkuatkuasa meningkat daripada RM16.7 juta pada tahun 1986 kepada RM25.6 bilion pada tahun 2000.³

Meskipun prestasi industri perbankan Islam dan takaful adalah menggalakkan, sumbangannya masih kecil jika dibandingkan dengan perbankan dan insurans konvensional. Tahap penembusan pasaran perbankan Islam sebanyak 6.9% dari segi aset mencerminkan potensi besar yang masih belum diterokai. Bagi perniagaan takaful, tahap penembusan pasaran dari segi sijil takaful berbanding jumlah penduduk hanya dalam lingkungan 2% berbanding penembusan pasaran perniagaan insurans konvensional sebanyak 28.4%. Bersandarkan hakikat ini, adalah wajar strategi-strategi khusus bagi memperkembangkan lagi perbankan Islam dan takaful dirangka dengan rapi. Strategi-strategi ini dijangka akan turut menyumbang kepada pengukuhan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam di rantau ini. Keupayaan industri perbankan Islam dan takaful untuk menguasai juzuk pasaran yang lebih bermakna dalam suasana kewangan

³ *Ibid.*, hal 79.



yang mencabar bergantung kepada kedudukan strategik peserta-peserta industri domestik untuk mengekalkan kelebihan daya saing serta menjadi peneraju pasaran. Industri perbankan Islam dan takaful dijangka akan menghadapi cabaran-cabaran berikut:

1. Persaingan sengit ekoran globalisasi dan liberalisasi kewangan. Kemunculan peserta-peserta konvensional global dalam perniagaan perbankan Islam adalah jelas terutamanya dalam bidang penstrukturan urus janji pelaburan dan pembiayaan berlandaskan Syariah.
2. Peningkatan peranan teknologi dalam membentuk struktur mikro perniagaan dan pasaran kewangan, yang menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan persaingan.
3. Generasi baru pelanggan yang semakin berilmu dan berpengetahuan kini menuntut pelbagai produk yang canggih.⁴

Berlatarbelakangkan cabaran di atas dan bagi membolehkan institusi perbankan Islam (terdiri daripada bank-bank Islam dan bank-bank SPI) dan pengendali takaful (PT) dapat menjadi peneraju dalam industri ini, bersaing

⁴ *Ibid.*



secara efektif dan pada masa yang sama mengekalkan pengkhususan mereka, usaha-usaha berikut perlu diperhebatkan:⁵

1. Memperkukuhkan dan membina keupayaan dan keutuhan institusi dan operasi mereka agar dapat beroperasi dengan berjaya dalam suasana persaingan global yang sengit.
2. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agar setaraf dengan peserta antarabangsa yang tersohor.
3. Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam inovasi produk kewangan Islam. Sehubungan ini, institusi perbankan Islam (IPI) dan PT perlu menimbang kemungkinan membentuk pakatan strategik untuk menimba kepakaran penyelidikan dan pembangunan yang diterokai di luar industri perbankan dan insurans bagi meningkatkan kepelbagaian rangkaian produk kewangan Islam yang dapat memenuhi keperluan pelanggan.

⁵ *Ibid.*, hal 80.



4.2 ANALISIS PEMBIAYAAN PELANGGAN⁶

Pada analisis pertama penulis akan cuba menganalisis pembiayaan pelanggan iaitu pembiayaan keseluruhan yang dilakukan oleh BMMB kepada pelanggannya ianya dibahagikan kepada tiga kategori pembiayaan iaitu pembiayaan berjangka, pembiayaan bil-bil dan lain-lain pembiayaan. Secara keseluruhannya ia ditunjukkan melalui jadual di bawah.

Jadual 4.01 : Pembiayaan Pelanggan oleh BMMB.

Jenis Pembiayaan	Oktober 1999- Mac 2000 (RM '000)	April 2000- Disember 2000 (RM '000)	Januari 2001- Disember 2001 (RM '000)
Pembiayaan Berjangka	1,772,875	2,716,713	2,803,066
Pembiayaan Bil-bil	88,577	258,948	452,029
Lain-lain Pembiayaan	89,768	14,705	5,185
Jumlah Pembiayaan	1,951,220	2,990,366	3,260,280

Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

⁶ Bank Muamalat Malaysia Berhad, **Laporan Tahunan**, bagi April 1999-Mac 2000, hal 37-39, April 2000-Disember 2000, hal 29-31, Januari 2001-Disember 2001, hal 41-43.



Jadual 4.01, menunjukkan beberapa jenis pembiayaan pelanggan yang dilakukan oleh BMMB untuk tempoh tiga fasa bermula daripada mula ianya beroperasi sehingga Disember 2001. Fasa pertama ialah selama 6 bulan operasi iaitu bermula dari Oktober 1999 sehingga Mac 2000, fasa kedua ialah bermula dari April 2000 sehingga Disember 2000 iaitu selama 9 bulan operasi, manakala fasa ketiga ialah selama 12 bulan atau satu tahun operasi iaitu bermula dari Januari 2001 sehingga Disember 2001.

Bagi memudahkan penganalisaan terhadap data pembiayaan pelanggan, pembiayaan pelanggan dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu pembiayaan berjangka, pembiayaan bil-bil dan lain-lain pembiayaan. Pembiayaan berjangka pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 1,772,875,000 dan meningkat nilainya pada fasa kedua sebanyak RM 2,716,713,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 943,838,000. Pada fasa ketiga pembiayaan berjangka terus menyaksikan peningkatan nilainya sebanyak RM 2,803,066,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 86,353,000.

Bagi pembiayaan bil-bil, pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 88,577,000 dan juga meningkat nilainya pada fasa kedua sebanyak RM 258,948,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 170,371,000. Pada fasa ketiga pembiayaan bil-bil juga terus mencatat peningkatan yang ketara iaitu sebanyak RM 452,029,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 193,081,000.




Bagi lain-lain pembiayaan prestasinya adalah sebaliknya iaitu ianya menyaksikan penurunan nilai bagi setiap fasa. Pada fasa pertama lain-lain pembiayaan mencatat nilai sebanyak RM 89,768,000 dan menyaksikan penurunan nilai pada fasa kedua sebanyak RM 75,063,000 menjadi RM 14,705,000 untuk fasa kedua dan pada fasa ketiga nilainya terus susut sebanyak RM 9,520,000 menjadikan nilainya pada fasa ketiga hanyalah sebanyak RM 5,185,000. Penurunan nilai pembiayaan yang berlaku bagi lain-lain pembiayaan adalah disebabkan oleh penumpuan yang lebih banyak diberikan oleh BMMB kepada pembiayaan berjangka dan bil-bil yang menyaksikan peningkatan nilai pembiayaan bagi setiap fasa yang lebih ketara jika diperhatikan dari segi nilai kuantitatifnya.

Bagi jumlah keseluruhan pembiayaan pelanggan oleh BMMB dalam tiga fasa yang dinyatakan ianya menunjukkan peningkatan yang baik bagi setiap fasa. Bagi fasa pertama jumlah keseluruhan pembiayaan pelanggan BMMB adalah sebanyak RM 1,951,220,000 dan terus meningkat sebanyak RM 1,039,146,000 menjadikan nilainya pada fasa kedua adalah sebanyak RM 2,990,366,000. Pada fasa ketiga nilai keseluruhan pembiayaan pelanggan BMMB mencatat nilai sebanyak RM 3,260,280,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 269,914,000. Perubahan ini boleh diperhatikan melalui carta atau graf pembiayaan pelanggan oleh BMMB di sebelah :



Carta 4.01: Pembiayaan Pelanggan Oleh BMMB.



Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

Carta 4.01, merupakan carta graf yang menunjukkan pergerakan nilai pembiayaan pelanggan oleh BMMB dalam tiga fasa yang diterangkan melalui jadual sebelum ini secara terperinci. Melalui carta graf ini pembaca dapat melihat secara lebih jelas tentang peningkatan atau penyusutan nilai yang berlaku kepada ketiga-tiga kategori pembiayaan pelanggan melalui tiga fasa yang berlainan.



4.3 ANALISIS PEMBIAYAAN KASAR BERDASARKAN TEMPOH MATANG⁷

Pada analisis yang kedua, penulis akan melihat pembiayaan kasar yang berdasarkan tempoh matang untuk dibuat analisis bagi melihat pembiayaan tempoh jangka masa panjang atau singkat menjadi tumpuan serta keutamaan kepada pembiayaan yang dilakukan oleh BMMB. Ianya akan diuraikan secara terperinci melalui kaedah data kuantitatif melalui jadual di bawah :

Jadual 4.02 : Pembiayaan Kasar BMMB Berdasarkan Tempoh Matang.

Tempoh Matang	Oktober 1999- Mac 2000 (RM '000)	April 2000- Disember 2000 (RM '000)	Januari 2001- Disember 2001 (RM '000)
Satu Tahun	269,641	316,287	363,433
1-3 Tahun	59,246	210,014	270,373
3-5 Tahun	98,693	55,693	96,717
5 Tahun Lebih	656,357	1,231,487	1,361,279
Jumlah	1,083,937	1,813,481	2,091,802

Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

⁷ Ibid.



Jadual 4.02, menunjukkan data-data tentang pembiayaan kasar BMMB berasaskan kepada tempoh matang. Pembiayaan kasar ini dibahagikan kepada empat jangka masa tempoh matang iaitu pembiayaan dengan tempoh matang satu tahun, satu hingga tiga tahun, tiga hingga lima tahun dan lima tahun dan lebih. Pembiayaan dengan tempoh matang setahun biasanya mewakili pembiayaan jangka pendek dan tempoh melebihi satu tahun di anggap sebagai pembiayaan jangka panjang oleh BMMB. Analisis ini akan dilihat dalam tiga fasa yang sama seperti analisis pembiayaan pelanggan oleh BMMB.

Bagi tempoh matang setahun pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 269,641,000. Pada fasa kedua ianya meningkat kepada RM 316,287,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 46,646,000 dan pada fasa ketiga ianya terus menunjukkan pertambahan sebanyak RM 47,146,000 menjadikan jumlahnya pada fasa ketiga ialah sebanyak RM 363,433,000. Bagi tempoh matang satu hingga tiga tahun pula, pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 59,246,000. Pada fasa kedua ianya meningkat kepada RM 210,014,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 150,768,000 dan pada fasa ketiga ianya turut mencatat pertambahan sebanyak RM 60,359,000 menjadikan nilai keseluruhan pada fasa ketiga sebanyak RM 270,373,000.




Untuk tempoh matang tiga hingga lima tahun pula pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 98,693,000 dan ianya mengalami penurunan pada fasa kedua menjadi RM 55,693,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 43,000,000 berbanding fasa pertama. Tetapi pada fasa ketiga ianya meningkat kembali kepada RM 96, 717,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 41,024,000. Bagi tempoh matang lima tahun dan lebih pada fasa pertama ianya mencatat nilai pembiayaan sebanyak RM 656,357,000, meningkat kepada RM 1,231,487,000 pada fasa kedua iaitu pertambahan sebanyak RM 575,130,000 dan ianya terus menyaksikan pertambahan sebanyak RM 129,792,000 menjadikan nilai pembiayaan pada fasa ketiga secara keseluruhannya adalah sebanyak RM 1,361,279,000.

Untuk jumlah keseluruhan pembiayaan kasar berdasarkan tempoh matang ianya menunjukkan peningkatan iaitu pada fasa pertama ianya mencatat nilai pembiayaan sebanyak RM 1,083,937,000 meningkat kepada RM 1,813,481,000 pada fasa ketiga iaitu pertambahan sebanyak RM 729,544,000 dan pada fasa ketiga terus menyaksikan pertambahan sebanyak RM 278,321,000 menjadikan jumlah keseluruhan pembiayaan kasar BMMB pada fasa ketiga adalah sebanyak RM 2,091,802,000. Perubahan secara lebih jelas dapat kita perhatikan melalui carta graf di sebelah :



Carta 4.02 : Pembiayaan Kasar BMMB Berdasarkan Tempoh Matang



Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

Carta 4.02, merupakan carta graf yang menunjukkan pergerakan nilai pembiayaan kasar berdasarkan tempoh matang oleh BMMB dalam tiga fasa yang diterangkan melalui jadual sebelum ini secara terperinci. Melalui carta graf ini pembaca dapat melihat secara lebih jelas tentang tetang peningkatan atau penyusutan nilai yang berlaku kepada keempat-empat tempoh matang pembiayaan kasar melalui tiga fasa yang berlainan.



4.4 ANALISIS PEMBIAYAAN BERASASKAN KONSEP⁸

Untuk analisis yang ketiga penulis akan membuat analisa terhadap data-data kuantitatif bagi pembiayaan kasar berdasarkan kepada konsep yang digunakan oleh produk-produk yang ditawarkan oleh BMMB kepada pelanggannya. Melalui analisis ini kita akan dapat gambaran tentang produk manakah yang menjadi tumpuan utama BMMB dalam memberikan pembiayaan. Data-data berkenaan pembiayaan berasaskan konsep adalah seperti di bawah :

Jadual 4.03 : Pembiayaan BMMB Berdasarkan Konsep

Jenis Konsep	Oktober 1999- Mac 2000 (RM '000)	April 2000- Disember 2000 (RM '000)	Januari 2001- Disember 2001 (RM '000)
BBA	815,505	1,120,125	1,193,170
Al-Ijarah	67,497	176,344	168,539
Al-Murabahah	73,923	230,444	422,473
Al-Musyarakah	1,263	1,116	839
Al-Mudharabah	2,513	1,269	655

⁸ Ibid.



Al-Istisna'	106,606	195,868	161,202
Lain-lain	16,630	88,315	144,924
Jumlah	1,083,937	1,813,481	2,091,802

Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

Jadual 4.03, menunjukkan pembiayaan kasar BMMB berasaskan konsep. Analisis terhadap data-data ini menjadi fokus utama bagi penulis kerana melalui data-data ini penulis akan dapat melihat dengan lebih jelas serta dapat membuktikan kepada pembaca bahawa produk pembiayaan hutang menjadi fokus utama BMMB berbanding produk pembiayaan modal dan produk-produk lain. Analisis pembiayaan berasaskan konsep juga akan dilihat melalui tiga fasa yang sama.

Bagi konsep Bai' Bithaman Ajil (BBA), pada fasa pertama ianya mencatat nilai sebanyak RM 815,505,000 terus menunjukkan peningkatan yang baik pada fasa kedua dengan nilai sebanyak RM 1,120,125,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 304,620,000 dan pada fasa ketiga ianya terus menunjukkan prestasinya yang baik dengan peningkatannya kepada RM 1,193,170,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 73,045,000. Konsep al-ljarah



pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 67,497,000 juga terus meningkat pada fasa kedua dengan nilai sebanyak RM 176,344,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 108,847,000 dan pada fasa ketiga mengalami sedikit penurunan dengan nilainya sebanyak RM 168,539,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 7,805,000. Bagi konsep al-Murabahah pada fasa pertama nilai yang dicatatnya ialah sebanyak RM 73,923,000 meningkat dengan baik pada fasa kedua dengan nilai dicatat ialah sebanyak RM 230,444,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 156,521,000 dan pada fasa ketiga terus menunjukkan prestasi yang baik dengan peningkatan nilainya kepada RM 422,473,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 192,029,000.

Untuk konsep al-Musarakah pada fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 1,263,000 mengalami penurunan pada fasa kedua dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 1,116,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 147,000 dan pada fasa ketiga terus mengalami penurunan nilai yang lebih ketara dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 839,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 277,000. Konsep al-mudharabah juga mengalami keadaan yang sama iaitu pada fasa pertama nilai dicatat adalah sebanyak RM 2,513,000 dan terus mengalami penurunan pada fasa kedua dengan nilai dicatat ialah sebanyak RM 1,269,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 1,244,000 berterusan penurunan nilai pada fasa ketiga dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 655,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 614,000.



Bagi konsep al-Istisna' pula pada fasa pertama nilai dicatat adalah sebanyak RM 106,606,000 dan menunjukkan peningkatan pada fasa kedua dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 195,868,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 89,262,000 seterusnya mengalami sedikit penurunan pada fasa ketiga dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 161,202,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 34,666,000. Bagi lain-lain konsep pada fasa pertama nilai dicatat adalah sebanyak RM 16,630,000 dan menunjukkan peningkatan pada fasa kedua dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 88,315,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 71,685,000 dan ianya terus menunjukkan peningkatan pada fasa ketiga dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 144,924,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 56,609,000.

Tumpuan utama BMMB adalah kepada pembiayaan hutang, ini dapat dibuktikan oleh penulis dengan melihat kepada dua konsep utama yang menjadi asas kepada produk pembiayaan hutang iaitu konsep Bai' Bithaman Ajil dan al-Murabahah. Jika kita perhatikan data kuantitatif untuk kedua-dua konsep ini kita akan dapati bagi setiap fasa ianya mengalami peningkatan yang ketara walaupun jangka masa setiap fasa adalah berbeza. Berlainan pula terjadi kepada produk-produk pembiayaan lain terutamanya pembiayaan modal yang dapat dilihat melalui konsep al-Musyarakah dan al-Mudharabah di mana kedua-dua konsep ini data kuantitatifnya menunjukkan penurunan




yang ketara bagi setiap fasanya. Jadi jelaslah kepada kita bahawa BMMB memberi penumpuan yang lebih pada pembiayaan hutang berbanding pembiayaan lain. Oleh yang demikian pembiayaan hutang menjadi teras utama pendapatan BMMB.

Bagi jumlah keseluruhan pembiayaan berasaskan konsep adalah sama dengan jumlah keseluruhan pembiayaan kasar berasaskan tempoh matang yang telah diuraikan pada jadual 4.02 yang terdahulu. Bagi tujuan untuk melihat dengan lebih jelas lagi pergerakan pertambahan serta penyusutan nilai bagi setiap konsep dalam tiga fasa yang berlainan dapat kita perhatikan melalui carta 4.03 di sebelah:



Carta 4.03 : Pembiayaan BMMB Berdasarkan Konsep



Sumber : Laporan Tahunan BMMB



Analisis terakhir ialah analisis pembiayaan BMMB berdasarkan sektor ekonomi. Analisis ini boleh menjelaskan kepada kita sektor manakah yang menjadi sasaran utama kepada penawaran pembiayaan oleh BMMB dalam sektor-sektor ekonomi yang ada dalam pasaran ekonomi semasa. Data-data mengenai pembiayaan tersebut dapat kita perhatikan melalui jadual di bawah:

Jadual 4.04 : Pembiayaan BMMB Berasaskan Sektor.

Sektor	Oktober 1999- Mac 2000 (RM '000)	April 2000- Disember 2000 (RM '000)	Januari 2001- Disember 2001 (RM '000)
Pertanian	6,279	11,871	14,086
Perlombongan	5,715	4,434	3,365
Perkilangan	130,430	404,590	514,147
Elektrik, Gas, air	-	6,738	60,923
Pembinaan	163,931	218,867	209,094

Sumber : Laporan Tahunan BMMB.

⁹ *Ibid.*



Jadual 4.04, menunjukkan pembiayaan BMMB berasaskan sektor ekonomi. Terdapat lima sektor utama yang menjadi tumpuan pembiayaan BMMB, antaranya ialah Sektor Pertanian, Perlombongan, perkilangan, elektrik, gas dan air dan pembinaan. Ianya juga akan dianalisis melalui tiga fasa yang sama seperti sebelumnya. Bagi sektor pertanian pada fasa pertama nilai dicatat adalah sebanyak RM 6,279,000 dan terus mencatat peningkatan pada fasa kedua dengan nilai sebanyak RM 11,871,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 5,592,000. Pada fasa ketiga ianya terus melihat peningkatan dengan nilai dicatat sebanyak RM 14,086,000 iaitu pertambahan 2,215,000.

Untuk sektor perlombongan dan kuari pada fasa pertama nilai dicatat adalah sebanyak RM 5,715,000, tetapi pada fasa kedua mengalami penurunan dengan nilai dicatat sebanyak RM 4,434,000 iaitu penyusutan nilai sebanyak RM 1,281,000 begitu juga terjadi pada fasa ketiga, ianya terus mengalami penurunan dengan nilai dicatat hanyalah sebanyak RM 3,365,000 iaitu penyusutan sebanyak 1,069,000. Bagi sektor perkilangan fasa pertama mencatat nilai sebanyak RM 130,430,000 dan terus meningkat pada fasa kedua dengan nilai dicatat sebanyak RM 404,590,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 274,160,000. Pada fasa ketiga sektor ini terus mencatatkan kenaikan dengan nilai sebanyak RM 514,147,000 iaitu dengan pertambahan sebanyak RM 109,557,000.




Bagi sektor elektrik, gas dan air pula, pada fasa pertama tiada sebarang nilai dicatat, ini kerana masih belum wujud pembiayaan BMMB dalam sektor ini tetapi ianya mula wujud pada fasa kedua dengan nilai dicatat adalah sebanyak RM 6,738,000 dan ianya menunjukkan peningkatan yang baik pada fasa ketiga dengan nilai dicatat sebanyak RM 60,923,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 54,185,000 yang merupakan pertambahan yang mendadak. Ini mungkin disebabkan pembiayaan sektor ini adalah terjamin dan mendatangkan pulangan yang baik kepada nilai pendapatan BMMB. Bagi sektor terakhir iaitu sektor pembinaan pada fasa pertama ianya mencatat nilai sebanyak RM 163,931,000 dan terus meningkat pada fasa kedua dengan nilai dicatat sebanyak RM 218,867,000 iaitu pertambahan sebanyak RM 54,936,000 dan pada fasa ketiga mengalami sedikit penurunan dengan nilai dicatat hanya RM 209,094,000 iaitu penyusutan sebanyak RM 9,773,000.

Setelah kita melihat pertambahan serta penurunan secara kuantitatif maka dapatlah kita menentukan sektor manakah yang menjadi keutamaan kepada BMMB dalam menawarkan pembiayaannya. Antara sektor utama yang diberikan tumpuan oleh BMMB menurut analisis penulis ialah sektor perkilangan, elektrik, gas dan air serta pembinaan dan dua sektor lagi iaitu sektor pertanian hanya mengalami pertambahan nilai yang sedikit dan sektor



perlombongan dan kuari semakin berkurangan nilai pembiayaannya. Secara lebih jelas kita dapat melihat perkembangan nilai pembiayaan sektor-sektor ini yang melalui tiga fasa yang berlainan adalah melalui carta graf pada carta 4.04 di bawah :

Carta 4.04 : Pembiayaan BMMB Berasaskan Sektor.



Sumber : Laporan Tahunan BMMB.



4.6 PENUTUP

Hasil daripada pemerhatian penulis terhadap analisis data ini, jelas ianya memberi petunjuk kepada penulis sememangnya pembiayaan hutang menjadi salah satu daripada sumber pendapatan utama kepada BMMB ataupun perbankan Islam keseluruhannya. Kerana daripada perangkaan yang diperolehi ternyata bahawa jumlah pembiayaan kasar oleh BMMB kepada pelanggannya dalam tiga fasa yang berbeza mencatatkan peningkatan yang berterusan pada setiap fasa. Satu lagi petunjuk ialah melalui pemerhatian penulis kepada analisis pembiayaan BMMB berasaskan konsep, iaitu konsep yang paling tinggi mengalami jumlah peningkatan dalam pembiayaan ialah antaranya konsep Bai' Bithaman Ajil, al-Istisna' dan al-Murabahah. Ketiga-tiga konsep ini digunakan secara meluas dalam produk pembiayaan hutang di BMMB. Ini menggambarkan kepada kita bahawa produk pembiayaan hutang sememangnya menjadi antara fokus utama dalam menyumbangkan pulangan pendapatan kepada BMMB seterusnya meningkatkan jumlah dana dalam perbankan Islam. Kesimpulan yang dapat dinyatakan secara ringkas di sini bahawa perbankan Islam melalui produk pembiayaan mampu untuk menyumbangkan kepada peningkatan dana perbankan keseluruhannya melebihi 10 peratus untuk masa akan datang tetapi mestilah melalui perancangan serta strategi pemasaran yang lebih efektif serta memberikan kesan ke arah pemahaman masyarakat tentang



kelebihan yang terdapat dalam produk yang ditawarkan oleh sektor perbankan Islam.